

PM: Malik buktikan

UM - 5 AUG 2003

KUALA LUMPUR 4 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bangga dengan kejayaan perenang maraton negara Abdul Malik Mydin berenang merentasi Selat Inggeris kerana ia membuktikan keupayaan rakyat Malaysia boleh melakukan apa sahaja yang diinginkan jika ada kesungguhan.

“Tahniah kepada Malik dan saya bangga dengan kebolehannya berenang begitu jauh dalam cuaca yang begitu sejuk.

“Tetapi semangatnya begitu kuat sekali,” kata Perdana Menteri.

Menurutnya, kejayaan Malik membuktikan bahawa sesuatu itu boleh dicapai

keupayaan Malaysia

jika ada keazaman dan persediaan yang rapi.

“Apabila kita ingin buat sesuatu dan membuat persediaan dengan tabah serta mempunyai kesabaran, insya-Allah kita akan berjaya,” katanya dalam temu bual eksklusif dengan *RTM* di kediamannya di Putrajaya hari ini.

Mengenai insentif kepada Malik pula, Perdana Menteri berkata, perkara itu tidak perlu dibangkitkan kerana ia hanya akan menjadikan rakyat negara ini sebagai materialistik.

Kejayaan yang dicapaj Malik itu, kata beliau, sudah memadai sebagai penyuntik

semangat dan memberikan kepuasan peribadi.

“Kita tidak mahu bercakap sangat mengenai insentif. Ini yang menjadi masalah kerana kita akan menjadi materialistik.

“Sepatutnya kejayaan tersebut memberi kepuasan kepada kita, kejayaan kita bukan insentif,” tegasnya.